KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	21.04.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			

TLDM patahkan cubaan seludup keluar haiwan liar

KOTA TINGGI – Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berjaya mematahkan cubaan jenayah rentas sempadan melibatkan penyeludupan haiwan liar menggunakan sebuah bot fiber di perairan Johor Tenggara lewat malam kelmarin.

Dalam kejadian pukul 10.45 malam itu, sebanyak 120 ekor burung Murai Batu, 540 ekor burung Murai Kampung dan 14 ekor ayam sabung yang dipercayai untuk diseludup keluar ditemui dalam bot terbabit.

TLDM dalam satu kenyataan memaklumkan, kejayaan itu adalah hasil penugasan Op Benteng Laut kapal *KD Handalan* yang telah mengesan keberadaan sebuah bot fiber yang mencurigakan berhampiran Jeti Penumpang Tanjung Pengelih.

"Dua buah bot pemintas TLDM iaitu jenis *Rigid Hull Inflatable Boat* (RHIB) telah diatur gerak dan berjaya memintas, seterusnya menahan bot fiber itu," atanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, bot yang disita bersama seorang penyeludup lelaki dibawa ke Jeti Penumpang Tanjung Pengelih dan diserahkan kepada pihak polis untuk siasatan lanjut.

Katanya, hasil rampasan pula diserahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Pahang untuk tindakan selanjutnya.



BOT RHIB TLDM menahan sebuah bot fiber yang dipercayai melakukan aktiviti penyeludupan haiwan di perairan Johor Tenggara, Kota Tinggi kelmarin.